

KENYATAAN MEDIA

FORUM KEPIMPINAN POLITIK WANITA PASCA PRU15 "MELANGKAH KE HADAPAN"



The banner features the event title in large white and blue text on a blue background with a dotted pattern. It includes logos for PantauPRU15, the Ministry of Women, Family and Community Development, the National Council of Women's Organisations, and GMM. A list of 13 female political leaders is displayed in two rows, each with a circular portrait and their name and party affiliation. The event details at the bottom specify the date, time, and location.

**FORUM KEPIMPINAN POLITIK WANITA
PASCA PRU15
"Melangkah Ke Hadapan"**

Perasmian oleh:
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

YB DATUKWIRA MAS ERMIEYATI SAMSUDIN BERSATU
YB DATO' HAJAH MUMTAZ HAJI MD NAWI PAS
YB HANIZA MOHAMED TALHA PBM
YB AIMAN ATHIRAH AL-JUNDI AMANAH
YB GAN AY LING PKR
YB SALAMIAH MOHD NOR PAS
YB SYERLEENA ABDUL RASHID DAP
DATUK HABIBAH MOHD YUSOF UMNO
NURTHAQFAH NORDIN AMANAH
SITI RAHAYU BAHARIN MUDA
SITI AISHAH SHAIK ISMAIL PKR
IVONE LOW YI WEN MCA

10 Disember 2022 (Sabtu) | 8.30 pagi - 2.00 petang | Tamu Hotel & Suite, KL

Sukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat akan merasmikan *Forum Kepimpinan Politik Wanita Pasca PRU15: Melangkah ke Hadapan* yang akan berlangsung seperti perincian berikut:

Tarikh : 10 Disember 2022 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi – 2.00 petang
Tempat : Tamu Hotel & Suite, Kuala Lumpur.

Forum ini dianjurkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) bersama Gagasan Minda Merdeka (GMM), Jawatankuasa Pemantauan Masyarakat Sipil Pilihan Raya Umum ke-15 (Pantau PRU15) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Forum ini diadakan lanjutan daripada hasil Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang menyaksikan peratus perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat menurun daripada 14.9 peratus kepada 13.5 peratus. Selain itu, di peringkat DUN, peratus perwakilan wanita yang menang masih jauh daripada sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita iaitu DUN Pahang (4.8 peratus); DUN Perlis (20 peratus); dan DUN Perak (20.3 peratus).

Peratusan anggota wanita dalam Jemaah Menteri sebanyak 17.9 peratus juga tidak mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam pembuatan keputusan. Hasil ini mendukacitakan tatkala terdapat desakan yang padu dan konsisten daripada sayap wanita parti politik, pertubuhan wanita, masyarakat sivil dan pihak Jawatankuasa Pemantauan Masyarakat Sivil Pilihan Raya Umum ke-15 (Pantau PRU15). Parti-parti politik juga telah berjanji untuk meletakkan lebih ramai calon wanita berkecualan.

Sungguhpun terdapat peningkatan jumlah calon wanita (127) dan kerusi (103) yang bertanding di peringkat Parlimen, namun hanya 23.6 % berjaya dipilih bagi 30 kerusi Parlimen. Jelasnya, masih banyak lagi usaha diperlukan untuk memastikan peluang kepimpinan politik memihak kepada wanita. Faktor-faktor yang menyebabkan kekalahan atau kemenangan perlu dikaji dengan teliti supaya peluang kejayaan calon wanita bertambah cerah dalam pilihan raya umum seterusnya.

Forum ini akan menjadi wadah perkongsian pengalaman 10 calon wanita daripada pelbagai parti tentang cabaran yang dihadapi mereka dalam menempuhi PRU15. Analisis pengamalan mereka akan memberi panduan dan pedoman untuk merangka strategi bagi melonjakkan kepimpinan politik wanita di Malaysia pada masa hadapan, khususnya daripada segi keperwakilan dan penglibatan substantif wanita di peringkat membuat dasar dan hala tuju kepimpinan negara.

Media dijemput hadir. Maklumat lanjut tentang peserta forum dilampirkan.

#WanitaPemimpinRakyat #Min30peratuswanita #MoreWomenBetterGovernance

Pantau PRU15, 6 Disember 2022

AHLI-AHLI GABUNGAN PANTAU PRU15

1. Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO)
2. Rasuah Buster
3. Akademi Gagasan Minda Merdeka
4. Girls for Girls
5. ENGENDER
6. KANITA, USM
7. Pertubuhan IKRAM Malaysia
8. Pertubuhan Sains Sosial Malaysia (PSSM)
9. Women's Aid Organisation (WAO)
10. All Women's Action Society (AWAM)
11. Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF)
12. Family Frontiers
13. POW.ER
14. Malaysian Association of Youth Clubs (MAYC)
15. GAP.MY
16. Persatuan Wanita Kedah (Wanida)
17. White Ribbon Malaysia
18. Penang Women's Development Corporation
19. Purple Lily Kuching
20. KASIH Malaysia
21. Green Lifestyle Association
22. Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang
23. MyWATCH
24. Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, UKM
25. Sisters in Islam (SIS)

**Pantau PRU15 ialah gabungan yang diketuai Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) yang terdiri daripada 200 NGO wanita, 24 rakan kerjasama NGO dari serata tanah air dan para ahli akademik. Gabungan ini bertujuan untuk mengangkat kepentingan peningkatan penglibatan wanita dalam badan legislatif, menggesa parti-parti politik untuk mengisi sekurang-kurangnya 30 peratus calon wanita dalam PRU15, memantau dan menganalisis prestasi parti-parti politik dalam rencana peningkatan jumlah penglibatan wanita dalam PRU15, khidmat profesional dan sokongan psikososial kepada calon wanita.*

**ATURCARA
FORUM KEPIMPINAN POLITIK WANITA PASCA PRU15
“MELANGKAH KE HADAPAN”**

Tarikh	: 10 Disember 2022
Masa	: 8.30 pagi – 1.00 petang
Tempat	: Hotel Tamu & Suite, Kuala Lumpur

8.00 pagi	Pendaftaran & Minum Pagi
9.00 pagi	<p>Majlis Pembukaan dan Ucapan Alu-aluan</p> <p>Tan Sri Prof Emerita Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin Presiden of National Council of Women’s Organizations (NCWO)</p> <p>YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</p> <p>Sidang Media</p>
9.30 pagi	<p>Forum Kepimpinan Politik Wanita: Melangkah Ke Hadapan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin (BERSATU) 2. YB Dato’ Hajah Mumtaz Haji MD Nawi (PAS) 3. Datuk Habibah Yusof (UMNO) 4. YB Haniza Mohamed Talha (PBM) 5. YB Aiman Athirah Al-Jundi (AMANAH) 6. YB Gan Ay Ling (PKR) 7. YB Syerleena Abdul Rashid (DAP) 8. YB Salamiah Mohd Nor (PAS) 9. Ivone Low Yi Wen (MCA) 10. Siti Rahayu Baharin (MUDA) 11. Nurthaqaffah Nordin (AMANAH) 12. Siti Aisyah Shaik Ismail (PKR) <p>Moderator: Prof Madya Dr. Sharifah Syahirah S.Shiekh (KUPTM) Prof Madya Dr. Ummu Atiyah Ahmad Zakuan(UUM)</p> <p>Rapportuer: Dr. Mohamad Rahimi Hasan (Naratif) Dr. Zaireeni Azmi (USM)</p>
11.45 pagi (Q & A)	
12.30 tghari	<p>Kesimpulan dan <i>Way Forward</i></p> <p>Tan Sri Prof Emerita Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin Presiden of National Council of Women’s Organizations (NCWO)</p>
1.00 petang	Makan Tengahari dan Bersurai